

Ucapan : ADHO
407
26/80

Ucapan Y.B. Enche Hussein Omn, Menteri Pelajaran di-upacara merasmikan Mesuarat Perwakilan Kali Kedua Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat di-Bangunan Guru2, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur pada 14hb. Disember, 1970 pukul 9.30 pagi

Yang Di-Pertua Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat, ahli2 Jawatankuasa, para perwakilan dan hadhirin sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana menjemput saya merasmikan Mesuarat Perwakilan Kali Kedua Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat pada pagi ini.

Dengan ini, saya dapatlah peluang berjumpa dengan ahli2 Jawatankuasa Kesatuan ini dan juga wakil2 daripada chawangan2.

Bagaimana yang saya tahu, Kesatuan tuan2 ini ada-lah dahulu-nya terkenal dengan nama Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjung. Pada masa itu selain daripada menchapai kejayaan2 yang tertentu, Kesatuan tuan2 telah berjaya di-antara lain mengumpul dan mendermakan wang sa-banyak \$300,000/= kapada Pengajian Melayu (Malay Chair) di-Universiti Malaya.

Perkhidmatan Kesatuan tuan2 berkenaan dengan perkara ini ada-lah menunj- jukkan kapada dunia bahawa ra'ayat Malaysia keturunan Melayu bersungguh2 perchaya, berazam dan berhasrat ia-itu Bahasa Malaysia boleh menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan di-samping itu Bahasa Malaysia boleh di-perkenas dan di-perluaskan serta di-tinggikan lagi mutu-nya. Walaupun demikian, mustahak dan berguna-nya Bahasa Inggeris tidaklah boleh di-perkecil dan di-nafikan. Oleh itu, Bahasa Inggeris sabagai bahasa yang kedua hendaklah di-ajari serta di-perkuatkan di- sekolah2 dari peringkat rendah sampai ka-peringkat tinggi.

Apa yang saya sebutkan sabentar tadi ialah perkhidmatan dahulu Kesatuan tuan2. Kotika ini pula, Kesatuan tuan2 telah dan masih berusaha mengumpul wang sabanyak \$100,000/= untok di-dermakan kapada Universiti Kebangsaan kita. Dari- pada jumlah tersebut \$15,000/= akan di-serahkan kapada saya pagi ini supaya di-sampaikan kapada Universiti tersebut. Saya, Kementerian saya dan bagi pihak Universiti Kebangsaan mengucapkan berbanyak terima kasih serta ucapan tahniah kapada Kesatuan tuan2 ini.

Sambutan gembira terhadap penubohan Universiti Kebangsaan oleh ra'ayat adalah menunjukkan bukan sahaja bertambah-nya sebuah lagi Universiti di-negara kita ini, bahkan juga menunjukkan kuat-nya semangat dan kahendak2 ra'ayat kapada pelajaran tinggi.

Yang demikian maka kita semua berharap, yakin dan perchaya bahawa kaki-tangan2 serta penuntut2 di-Universiti Kebangsaan akan bersungguh2 serta juga dengan jujur-nya bekerja, berfikir, berunding dan bekerjasama untok membena, menyusun dan memberi pelajaran yang tinggi mutu-nya serta yang memuaskan.

Pada masa ini, mata2 pelajaran di-Universiti Kebangsaan ia-lah Sastera, Sains dan Ugama Islam. Fakulti Perubatan belum ada lagi. Oleh kerana penghargaan dan keperchayaan orang ramai kapada sa-sabuah universiti bergantung juga kapada ada atau pun tiada-nya Fakulti Perubatan di-universiti itu dan juga oleh kerana kekurangan sangat bilangan doktor2 di-negara kita ini pada masa ini dan juga pada masa hadapan, maka saya akan berunding dan berikhtiar hendak menubuhkan sebuah Fakulti Perubatan di-Universiti Kebangsaan. Oleh kerana banyak kesulitan2 yang akan di-hadapi bagi mengadakan Fakulti Perubatan itu maka bagi permulaan, Fakulti Perubatan itu terpaksa di-adakan dengan kecil dahulu dan akan beransor2 di-pebesarkan dari satu ka-satu masa.

Berjaya atau pun tidak-nya dasar dan sistem pelajaran negara kita adalah bergantung, di-antara lain2, kapada guru2. Mundor atau maju-nya pembangunan negara kita pada masa ini dan pada masa hadapan ada-lah bergantung kapada pelajaran yang di-berikan kapada anak2 kita.

Pada masa ini dan saterus-nya pada masa hadapan, tidak-lah menchukupi guru2 mempunyai semangat kebangsaan sahaja. Apa yang di-kahendaki lebeh lagi ia-lah minat dan penghargaan terhadap jawatan perguruan dan hasrat hendak memperbaiki serta meninggikan lagi darjah pengetahuan dan kebolehan diri masing2. Kementerian Pelajaran adalah memandang dan mengambil berat terhadap latehan guru2 kita. Oleh itu pada tahun2 hadapan, Kementerian Pelajaran akan menjadikan kursus2 dalam perkhidmatan, bukan sahaja untok guru2 menambah kecekapan mengajar dalam Bahasa Malaysia, malahan juga akan di-adakan kursus2 untok guru2 besar dan lain2 jenis guru supaya mereka dapat mengikut perkembangan pelajaran bukan sahaja di-Malaysia bahkan di-negeri2 yang lain.

Dalam Meshuarat Perwakilan ini, tuan2 akan berunding dan membincangkan beberapa masaelah yang tertentu. Saya akan mengikuti perundingan dan perbincangan tuan2 itu, dan mana yang boleh, Kementerian Pelajaran akan mengambil ingatan dan perhatian serta melaksanakan pendapat2 dan shor2 yang di-kemukakan oleh meshuarat ini.

Akhir-nya, saya berdo'a kapada Allah Subahanahu Wa Ta'ala supaya di-berikan tawfik dan hidayat kapada tuan2 semua dan berjaya hendak-nya meshuarat tuan2 ini. Dengan do'a ini, saya merasmikan Meshuarat Perwakilan Kali Kedua Kesatuan Guru2 Melayu Malaysia Barat.



